

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XXII)25

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PINANG
YB. LIM SIEW KHIM**

25. Apakah status terkini Lot 552 dan Lot 576, Lebuh Sungai Pinang 7, Seksyen 8, Bandar Georgetown, DTL yang bakal dinaiktaraf sebagai sebuah Taman Kejiranan dalam Bandar di KADUN Sungai Pinang? Sila huraikan dengan secara terperinci.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

25. Cadangan mewujudkan Taman Kejiranan Lebuh Sungai Pinang 7 di atas Lot 552 dan Lot 576, Daerah Timur Laut, George Town, Pulau Pinang telah diumumkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang semasa pembentangan bajet dalam Mesyuarat Kedua Penggal Kedua, Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Keempat Belas pada 1 November 2019.

Objektif pembinaan Taman Kejiranan ini adalah untuk menyediakan kemudahan sukan dan rekreasi kepada penduduk setempat yang menjadi medium penduduk berinteraksi antara satu sama lain sekaligus membantu integrasi sosial dan kesejahteraan hidup rakyat.

Cadangan pembinaan Taman Kejiranan di Lebuh Sungai Pinang 7 telah dibincangkan dan dibentang di Mesyuarat Lembaga Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang yang pertama pada 16 Januari 2020. Lembaga Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang secara prinsipnya telah bersetuju dengan cadangan pembinaan Taman Kejiranan Lebuh Sungai Pinang 7 tersebut.

Antara komponen-komponen yang dicadangkan dibangunkan di Taman Kejiranan tersebut adalah kawasan “Tree Bank” yang akan ditanam dengan pokok Tecoma atau Sakura of Penang dan pokok-pokok nadir yang berasal dari Pulau Pinang, *Therapeutic Garden*, *Tree Wood Seating*, *Universal Outdoor Gym*, *Open Lawn* dan *Butterfly Garden*. Anggaran kos Projek Taman Kejiranan di Lebuh Sungai Pinang 7 adalah sebanyak RM1,600,000.00 yang akan menggunakan peruntukan daripada Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang.

Pada ketika ini, Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang sedang menyediakan kertas cadangan untuk dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Pulau Pinang. Seterusnya, panggilan tender secara terbuka akan dibuat bagi cadangan projek ini selepas mendapat kelulusan PBN bagi penggunaan peruntukan Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang.